

## **LEGASI TUAN GURU HAJI MUHAMMAD YASSIN DALAM PEMBINAAN KEARIFAN TEMPATAN DI JOHOR**

Zurina binti Abdullah  
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Pusat Pengajian Teras  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Nor Azhan Norul 'Azmi  
Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

Penulisan ini memaparkan tentang sumbangan dan legasi Tuan Guru Haji Muhammad Yassin bin Haji Muhammad yang merupakan seorang tokoh ilmuan Islam cemerlang. Anak kelahiran Melaka ini dilahirkan di Tanjung Bidara pada tahun 1899. Kecintaannya terhadap ilmu agama merupakan hasil didikan dan kebiasaan yang telah diterapkan oleh bapanya, iaitu Hj. Muhammad bin Sakih. Haji Muhammad Yassin banyak mengajar dan mengupas kitab-kitab dalam bidang Tasawwuf dan Tauhid. Beliau pernah berguru dengan seorang ulama besar di Muar, iaitu Tuan Guru Hj Abu Bakar bin Hj Hasan al-Muari. Bandar Muar telah berperanan sebagai pusat pengajian agama semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim dan telah melahirkan ramai ulama yang dikenali sebagai 'kiyai' atau 'tuan guru'. Tuan Guru Hj Muhammad Yassin adalah ulama tempatan yang banyak memperoleh pendidikan di tanah air sendiri, khususnya di Johor. Dengan keyakinan tersebut, beliau telah menubuhkan institusi pendidikan beliau sendiri, iaitu Madrasah al-Saadiah dan Sekolah Menengah Muhd. Yassin yang kedua-duanya terletak di Muar. Asas pendidikan di kedua-dua institusi ini adalah ilmu bahasa Arab selain bidang Pengajian Islam dan Pengajian Ilmu Wahyu. Sehingga kini, walaupun beliau telah meninggal dunia pada 1975 pada usia 76 tahun, namun legasi beliau masih diteruskan oleh pewaris keturunan beliau dan hal ini telah membuktikan kehebatan anak watan dalam pembinaan kearifan tempatan khususnya dalam bidang pendidikan Islam.

**Kata kunci:** *ulama tempatan, Hj. Muhammad Yassin, legasi, kearifan tempatan, Johor*

### **Pendahuluan**

Ulama Nusantara berperanan besar dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah serta memurnikan pemikiran umat Islam di seluruh rantau Nusantara dalam pelbagai disiplin keilmuan melalui pendidikan serta keperibadian yang tinggi, dan penghasilan kitab-kitab yang bermanfaat. Menerusi wibawa dan dedikasi para ulama, maka lahirilah masyarakat yang berilmu dan bertamadun kerana para ulama merupakan penyambung warisan kepimpinan Rasulullah SAW.

Kedatangan para ulama ke Tanah Melayu berkait rapat dengan perkembangan Islam yang dibawa antaranya melalui aktiviti perdagangan sehingga Melaka menjadi pusat perdagangan yang utama di Nusantara. Sifat keterbukaan pemerintah, iaitu raja dan Kesultanan Melayu juga menjadi

faktor perkembangan Islam dan menarik kedatangan para ulama dan cendekiawan Islam ke Tanah Melayu. Di Johor, golongan ugamawan memainkan peranan yang amat besar sejak abad ke-16 lagi. Pada era Johor Moden, iaitu di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar, ulama turut memainkan peranan penting dalam pentadbiran. Daerah awal yang menerima dan mengembangkan dakwah Islam ialah daerah Muar. Bandar Muar telah berperanan sebagai pusat pengajian agama semasa zaman pemerintahan Sultan Ibrahim dan telah melahirkan ramai ulama yang dikenali sebagai 'kiyai' atau 'tuan guru'.

Peninggalan ulama-ulama ini merupakan legasi yang menjadi khazanah berharga dalam pewarisan kearifan tempatan kepada masyarakat tempatan khususnya dan umat Islam secara keseluruhannya. Perkataan "arif" ini membawa maksud mengetahui secara mendalam ataupun bijaksana kerana didasarkan kepada pemikiran yang mendalam dan digunakan untuk melambangkan kebijaksanaan seseorang. Tokoh ulama yang menjadi tumpuan dalam perbincangan ini ialah Tuan Guru Haji Muhammad Yassin bin Haji Muhammad yang merupakan ulama terkenal di Johor khususnya di Muar yang meninggalkan legasi bernilai untuk masyarakat setempat dan bangsa Johor amnya.

### **Biodata dan Latar Belakang Keluarga**

Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Haji Muhammad telah dilahirkan di Tanjung Bidara, Melaka pada tahun 1899. Beliau dikatakan berketurunan Arab dari Hadramaut yang mana ahli keluarganya sebelum ini telah menetap di Sumatera, kemudian berhijrah ke Melaka atas faktor mengelakkan penindasan Belanda pada ketika itu. Pada usia kanak-kanak dan remaja, beliau banyak menghabiskan masa dengan mengikuti ayahnya menghadiri ceramah-ceramah agama di masjid termasuk Bandar Hilir dan Kampung Hulu (Melaka) dan di Muar (Johor).

Ulama ini telah mengahwini Hajjah Maznah binti Daud (isteri pertama), Hajjah Khadijah binti Kassim (isteri kedua), Hajjah Sapiah binti Abdullah (isteri ketiga) dan Hajjah Kintan binti Ibrahim (isteri keempat). Hasil perkahwinan dengan empat orang isteri ini, beliau telah dianugerahkan seramai 47 orang cahaya mata yang salah satu daripadanya ialah Tan Sri Dato' Muhyiddin, iaitu bekas Menteri Besar Johor dan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia ke-6.

Beliau telah meninggal dunia pada 11 November 1975 bersamaan dengan 8 Zulqaedah 1395 pada usia 76 tahun. Sebagai menghargai jasa dan bakti beliau dalam pendidikan dan masyarakat, Tuan Haji Mohd Yassin telah ditauliah dengan kebenaran untuk mengajar agama Islam, mendapat Pingat Ibrahim Sultan pada 1955, pengiktirafan sebagai salah seorang 40 tokoh ulama Johor dalam penulisan biografi seorang penulis dan tokoh guru agama Johor dalam kategori sekolah menengah agama pada 2007.

### **Sifat, Keperibadian dan Latar belakang Pendidikan**

Sejak remaja lagi, tuan guru digambarkan sebagai seorang yang lantang bersuara, berani dan nekad dalam sesuatu perkara yang dilakukan. Beliau juga telah dijadikan oleh Qadi Haji Abu Bakar Alim yang juga guru agamanya di Muar sebagai anak didik dan pembantu peribadi kerana terpicat dengan kelantangan dan kewibawaan yang ditunjukkan.

Dalam menimba ilmu agama, beliau dianggap sebagai seorang remaja yang pintar dan kuat berusaha untuk menimba ilmu sehingga meminta izin daripada qadi Haji Abu Bakar untuk belajar di luar negara, namun tuan guru beliau ini menolak permintaannya supaya terus berada di tanah air. Berkat hasil usaha dan didikan guru beliau itu, maka tuan guru telah berjaya menguasai

pelbagai disiplin ilmu dan antara buku yang dibaca beliau ialah *Aqidah al-Naajiin*, *Dar al-Thamin*, *al-Hukkam*, *Minhaj al-Abidin*, *Maniyyat al-Musollin*, *Miftah al-Abidin*, *Matan Ajurrumiyyah* dan *Ihya Ulum al-Din*.

Sebagai seorang murid yang taat, setia dan menghormati guru, beliau telah diberi kepercayaan pada usia 21 tahun untuk mengajar di masjid-masjid dan digambarkan juga sebagai guru yang bijaksana oleh kalangan masyarakat yang mengenali beliau serta anak muridnya. Sifat setia ini ditunjukkan dengan jelas apabila beliau sentiasa berada di sisi Qadi Haji Abu Bakar dengan cara memberi bantuan seperti menggantikan tempat gurunya berceramah sehinggalah gurunya meninggal dunia pada tahun 1938.

Kecintaan kepada ilmu agama telah membawa beliau merantau ke Banten, Indonesia dan sempat berguru dengan para ulama di sana termasuk Kiyai Haji Fadhil al-Bentani. Walaupun tidak mendapat pendidikan secara formal, tetapi pendidikan agama yang diperoleh daripada guru-guru beliau telah menjadikan ulama ini seorang yang berketerampilan, berilmu tinggi, dihormati dan diteladani. Dalam mendalami ilmu agama, beliau sempat berguru dengan tokoh-tokoh ulama ternama seperti Tuan Haji Fadhil Banten, Haji Abd. Rahman al-Hafiz, imam Masjid Abu Bakar dan beberapa tokoh yang lain. Ilmu agama yang ditekuni beliau lebih menjurus kepada bidang Tasawwuf dan Tauhid yang mana beliau juga menjadi tempat rujukan ulama lain di sekitar Muar, Batu Pahat dan Melaka.

### **Kerjaya Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad**

Tuan Guru Haji Mohd Yassin merupakan tokoh agama, pendakwah dan penceramah bebas yang berkarisma dan disegani dalam kalangan masyarakat. Sumbangan beliau disalurkan dalam bentuk memberi kefahaman dan semangat menuntut ilmu kepada guru-guru di Sekolah Perempuan Bandar Maharani pada 1928 dan wanita Melayu tempatan daerah Muar. Antara masjid yang menjadi tempat beliau menyalurkan ilmu agama termasuk Masjid Jamek Muar, Masjid Parit Jamil, Masjid Seri Menanti, Masjid Bukit Gambir, Masjid Bukit Kangkar, Masjid Sungai Mati serta di Chohong (salah satu daerah antara Melaka, Muar dan Johor).

### **Sumbangan dan Legasi Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad dalam Pembinaan Kearifan Tempatan**

Sumbangan dan legasi Tuan Guru Haji Mohd Yassin dapat diklasifikasikan kepada lima cabang, iaitu warisan pemikiran, ilmu, kepemimpinan, amalan beragama (dalam kalangan waris beliau dan anak-anak murid) serta institusi yang diasaskan. Oleh itu, penulisan ini menyimpulkan bahawa legasi Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad dalam pembinaan kearifan tempatan di Johor adalah melalui sumbangan-sumbangan sepanjang hayat beliau dalam:

1. Pendidikan/Institusi Ilmu dan Ibadat: pembinaan Madrasah As-Sa'adiyah (aliran Arab) pada tahun 1963 dan Sekolah Menengah Mohd Yassin pada 1965 di Johor adalah usaha yang dilakukan oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin, dan ini mencerminkan sifat cintakan ilmu bagi seorang ulama sebagai pewaris para nabi. Usaha yang dibuat adalah untuk mengubah pemikiran orang Melayu agar celik agama dan membanteras kemunduran melalui pendidikan. Penubuhan sekolah ini juga bertepatan dengan pemikiran terbuka ulama ini dan rasional beliau bagi menyeimbangkan ilmu pengetahuan agama dan sekular bagi tujuan

tersebut. Dalam masa yang sama, terdapat satu lagi surau yang menjadi legasi peninggalan ulama ini, iaitu Surau Al-Saadiah yang diurus tadbir bersama anak cucu beliau.

2. Kepemimpinan: dengan pembinaan dua buah sekolah yang menjadi nadi kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu, maka terserlah daya kepemimpinan Tuan Guru Haji Mohd Yassin. Hal ini kerana, penubuhan dan proses untuk mentadbir sekolah memerlukan semangat juang yang tinggi, keazaman dan kemahiran kepimpinan yang jitu. Falsafah transformasi kepemimpinan yang dinyatakan ini dapat dicapai dengan ketakwaan kepada Allah S.W.T. atau dengan cara mendekatkan diri kepada-Nya (*muraqabah*). Sifat kepemimpinan ulama agung ini terserlah dengan kewibawaan ramai anak dan cucu beliau dalam bidang ini antaranya yang paling menonjol ialah Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.
3. Gerakan Dakwah dan Kemasyarakatan: antara bakti murni ulama ini juga ialah dengan kegiatan dakwah dalam masyarakat Melayu. Beliau menyantuni masyarakat tempatan melalui penyampaian ilmu pengetahuan agama di masjid-masjid yang berpandukan Al-Quran dan Al-Hadith serta fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah. Selain raja dan pembesar-pembesar istana, alim ulama juga menjadi sebahagian daripada kalangan pemimpin masyarakat pada ketika itu. Demikian, amat mudah bagi masyarakat menerima dan mendalami ilmu agama Islam kerana ajaran yang disebarluas datang dari pemimpin mereka sendiri. Ini juga terbukti dengan pengaruh dan peranan ulama dalam politik negeri Johor sejak abad ke-16, contohnya sejak Tun Habib Abdul Majid menjadi bendahara semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah di antara tahun 1685-1699. Di samping itu, beliau juga turut terlibat dalam pembangunan perancangan dakwah di Muar bersama gurunya iaitu Qadi Haji Abu Bakar dan telah menyumbang dalam membangunkan semula pelan pembinaan Masjid Jamek yang mula dibina pada 1925.
4. Bahasa Arab: penubuhan Madrasah al-Saadiah (Sekolah Arab) dilihat sebagai usaha Tuan Guru Haji Mohd Yassin dalam memartabatkan bahasa Arab dan memberi penekanan bahawa bahasa ini merupakan bahasa ilmu selain untuk mengimbangi pendidikan sekular dan aliran Inggeris yang mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Sehingga kini, sekolah ini masih teguh berdiri dengan peranannya sebagai memenuhi wasiat ulama ini untuk memastikan kelangsungan pendidikan berteraskan bahasa Al-Quran ini. Dari aspek lain, penekanan terhadap bahasa Arab di sekolah ini boleh diperhatikan melalui kurikulum yang bersepadu. Antara aspek kurikulum yang menumpukan bahasa Arab ialah subjek *Muhadathah* (Komunikasi Arab) dan *Insya'* (Esei Arab) pada peringkat persediaan. Terdapat juga subjek lain di peringkat rendah seperti *Bacaan*, *Tulisan*, *Nahu* (Ilmu Sintaksis Arab) dan *Soraf* (Ilmu Morfologi Arab).
5. Pemikiran: penubuhan Madrasah al-Qurra' di Alor Gajah, Melaka pada 2006 oleh Profesor Madya Haji Musa Ahmad merupakan contoh kepada hasil legasi pemikiran Tuan Haji Mohd Yassin dari aspek pembinaan institusi ilmu yang berteraskan Al-Quran dan bahasa Arab. Hal ini termasuklah amalan wirid Khaujakan (amalan wirid an-Naqsyabandiyah dan tarekat al-Tijaniyyah) dan penubuhan Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor yang dilihat sebagai salah satu daripada hasil pemikiran beliau.

6. Amalan: amalan yang masih diwarisi oleh ulama besar ini termasuklah amalan wirid Khaujakan (amalan wirid an-Naqsyabandiyah), tarekat al-Tijaniyyah dan penubuhan Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor yang dilihat sebagai salah satu daripada hasil pemikiran beliau. Di samping itu, anak-anak murid beliau juga turut mewarisi aspek kebudayaan dengan penubuhan Marhaban Masjid Bukit Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Haji Syahid Mohd Yassin.
7. Amalan Doa: doa yang diterapkan dalam amalan Tuan Guru ini termasuk doa untuk penjagaan kesihatan, tazkiyah al-nafs, menjauhi musuh dan sihir, doa penggerun, doa dikasihi mukmin, menajuhi penyakit serta solawat (Abdul Latif Juffri@Al-Juffi dan Amad Bahri Mardi 145-159: 2013).

Dalam pembinaan legasi, khususnya terhadap institusi pendidikan, tuan guru ternyata sangat menjaga warisan yang ditinggalkan supaya ilmu yang dikembangkan di institusi yang dibina tidak bercanggah atau berbeza dengan hasrat penubuhan yang diinginkan beliau. Hal ini terbukti melalui tadbir urus di kedua-dua sekolah yang dibina oleh beliau. Kedua-dua sekolah ini telah ditadbir oleh waris beliau sendiri kerana tuan guru amat mementingkan permuafakatan dalam kekeluargaan. Bidang ilmu yang ingin dikembangkan di sekolah-sekolah tersebut diperturunkan kepada anak-anak beliau agar tadbir urusnya selari dengan objektif penubuhan sekolah-sekolah tersebut. Justeru, beliau lebih memberi kepercayaan kepada anak-anak dan waris beliau dalam mentadbir urus institusi yang diwujudkankannya. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Hj. Mohd Yassin, anak beliau bernama Ismail bin Mohd Yassin pernah menjadi Pengetua sekolah tersebut, manakala bagi Sekolah Rendah Agama (Arab) Saadiah telah ditadbir oleh anak beliau yang bernama Abdul Rahman bin Mohd Yassin dan kini ditadbir oleh cucunya, iaitu Hairani binti Abdul Rahman.

## **Kesimpulan**

Kearifan tempatan yang dibina oleh Tuan Guru Haji Mohd Yassin terhadap penduduk sekitar khususnya di Muar sebenarnya telah memberi transformasi terhadap pelbagai aspek dalam masyarakat Melayu Islam. Biarpun beliau telah tiada lebih empat dekad lamanya, namun peninggalan beliau yang amat berharga masih kekal dan bermanfaat kepada masyarakat setempat dan anak bangsa Melayu. Legasi yang telah diwarisi dari satu generasi kepada satu generasi telah dibangunkan berasaskan panduan al-Quran dan Sunnah. Panduan yang ditinggalkan ulama seharusnya menjadi teras dalam pembentukan masyarakat Melayu Islam pada masa kini dan akan datang.

## **Rujukan**

Abdul Latif Juffri@Al-Juffri & Amad Bahri Mardi. 2013. *Tuan Guru Haji Mohd Yassin Tokoh Ilmuan Islam Cemerlang*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM): Kuala Lumpur.  
Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Maklumat sekolah agama/sekolah kafa. Dicapai pada 10 Oktober 2019, dari <https://simpeni.islam.gov.my>.

- Othman Ab. Rahman, Sapora Sipon & Mohd Yahya Mohamed Arifin. 2017. Audit Sosial dan Transformasi Kepemimpinan Islam: Satu Kajian Kes dalam Parlimen Pagoh, Malaysia. *Sains Insani*. hlm: 62-72.
- Othman Ab. Rahman, Sapora Sipon & Mohd Yahya Mohamed Arifin. 2016. The Leadership Transformation of Tuan Guru Haji Mohd Yassin: A Case Study in Johor, Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*. hlm: 194-203.